



22 Februari 2023  
22 February 2023  
P.U. (B) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PENGEQUALIAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 2A(2)

*EXEMPTION UNDER SUBSECTION 2A(2)*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PENGECUALIAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 2A(2)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2A(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri mengecualikan syarikat yang dinamakan dalam Jadual daripada kuat kuasa seksyen 16 Akta bagi tempoh lima belas tahun berkuat kuasa mulai tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta* dengan syarat bahawa—

- (a) pengecualian ini terpakai bagi transaksi pemberian pinjaman wang secara dalam talian;
- (b) pengecualian ini tidak terpakai jika lesen pemegang lesen itu terbatal atau tamat tempoh;
- (c) suatu salinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang tidak disetemkan yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu hendaklah diserahkan kepada peminjam dengan cara elektronik sebelum wang dipinjamkan; dan
- (d) suatu salinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang telah disetemkan yang telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu hendaklah diserahkan kepada peminjam dengan cara elektronik dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh perjanjian itu ditandatangani.

MONEYLENDERS ACT 1951

EXEMPTION UNDER SUBSECTION 2A(2)

IN exercise of the powers conferred by subsection 2A(2) of the Moneylenders Act 1951 [*Act 400*], the Minister exempts the companies named in the Schedule from the operation of section 16 of the Act for a period of fifteen years with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette* provided that—

- (a) this exemption is only applicable to online moneylending transactions;
- (b) this exemption is not applicable if the licensee's license is revoked or expired;
- (c) an unstamped copy of the moneylending agreement duly signed by all the parties to the agreement shall be delivered to the borrower by electronic means before the money is lent; and
- (d) a stamped copy of the moneylending agreement duly signed by all the parties to the agreement shall be delivered to the borrower by electronic means within a period of thirty days after the date of signing of the agreement.

JADUAL/SCHEDULE

Orpheus Capital Sdn. Bhd.  
IWC Performance Sdn. Bhd.  
Evo Capital Solutions Sdn. Bhd.  
Alibaba Pay Sdn. Bhd.  
MAA Credit Berhad  
Copper Coin Enterprise  
Red One Network Sdn. Bhd.  
KAF Capital Sdn. Bhd.

YX Bullion Sdn. Bhd.  
Infinitec Finsource Sdn. Bhd.  
PC3 Technology Sdn. Bhd.  
Citaglobal Capital Sdn. Bhd.  
Kekal Impian Sdn. Bhd.  
Kekal Tinggi Capital Sdn. Bhd.  
Fintani Services Sdn. Bhd.  
Revenue Harvest Sdn. Bhd.  
Handal Indah Sdn. Bhd.  
Handal Capital Sdn. Bhd.

Bertarikh 14 Februari 2023

*Dated 14 February 2023*

[KPKT.100-1/11/2( ); PN(PU2)154/Jld. XIX]

NGA KOR MING  
*Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan/  
Minister of Local Government Development*